

Terapi warfarin



" Pakcik makan ubat warfarin (2mg) ini 1 biji satu kali sahaja setiap hari. Diambil sebelum makan. Ubat ini perlu diambil pada waktu yang sama setiap hari "

Ini merupakan arahan pengambilan ubat yang biasa didengari oleh pesakit yang menerima terapi warfarin setiap kali mendapat ubat di farmasi .

JIKA TERLUPA MENGAMBIL UBAT WARFARIN?

Jika terlupa satu dos (melepas waktunya biasa pengambilan), makan sebaik sahaja teringat.

Jika sudah sampai waktunya dos yang berikutnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos yang seterusnya.

Jangan sesekali GANDAKAN dos jika terlupa mengambil satu dos.

UBAT WARFARIN- juga dikenali sebagai " ubat pencegah darah beku". Bertindak mencegah darah beku dengan menghalang fungsi vitamin K di dalam badan.

APAKAH ITU INTERNATIONAL NORMALIZED RATIO (INR)?

Ujian darah yang dijalankan untuk menentukan dos ubat warfarin dan mengesan sama ada mencukupi atau tidak bagi seseorang pesakit .

Pembentukan darah beku yang tidak normal di dalam salur darah sangat berbahaya kerana darah beku yang terbentuk akan menghalang pengaliran normal darah, seterusnya akan menyebabkan serangan jantung , strok dan kesesakan pernafasan.

Terdapat beberapa keadaan penyakit yang memerlukan terapi warfarin;

- A) Atrial Fibrillation (degupan jantung yang terlalu cepat)
- B) Penggantian injap jantung
- C) Deep Vein Thrombosis (darah beku pada paru-paru)
- D) Pulmonary Embolism (darah beku pada paru-paru)
- E) Strok (angin ahmar)
- F) Serangan jantung
- G) Penyakit keturunan seperti kekurangan faktor pembekuan darah

TINDAK BALAS WARFARIN DENGAN UBAT-UBATAN LAIN / MAKANAN

Ubat-ubatan dan makanan yang bertindakbalas dengan warfarin akan sama ada meningkatkan / mengurangkan kesan warfarin. Contohnya:

- antibiotik (seperti cloxacillin, clarithromycin, dll)
- ubat anti-epileptik
- ubat tahan sakit jenis anti-inflamatori bukan steroid (seperti aspirin, diclofenac, mefenamic acid, dll)
- herba (ginseng, gingko biloba, Dong Quai)
- sayur-sayuran berdaun hijau (seperti bayam, brokoli, sawi, dll)

Ubat-ubatan yang disenaraikan di atas hanya sebahagian daripada ubat-ubatan yang mempunyai tindak balas dengan warfarin. Anda perlu mendapatkan nasihat doktor atau Pegawai Farmasi sebelum mengambil sesuatu ubat baru, termasuk ubat suplemen, herba dan vitamin.



KESAN SAMPINGAN (PENDARAHAN YANG TIDAK DIINGINI)

- lebam yang luar biasa
- pendarahan berlebihan pada luka
- hidung dan gusi berdarah
- najis / kencing berdarah

PERHATIAN!!!

Pengambilan warfarin tidak disyorkan semasa hamil. Bincangkan dengan doktor anda sekiranya anda bercadang untuk hamil ataupun inain menyusukan bayi anda.